



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 9 (11)

Tarikh : 30 Ogos 2019

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 4 TAHUN 2019**

***GARIS PANDUAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN (PBT)***

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pemakaian **Garis Panduan Kawalan Nyamuk di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**.

LATAR BELAKANG

2. Penyediaan **Garis Panduan Kawalan Nyamuk di Kawasan PBT** adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Mei 2019 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-74 yang bersidang pada 23 Julai 2019 telah menimbang dan bersetuju dengan pemakaian garis panduan tersebut oleh PBN dan PBT.

GARIS PANDUAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PIHAK PBT

3. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada PBT serta semua pihak yang berkepentingan dalam pengurusan pencegahan dan pengawalan pembiakan nyamuk aedes dalam premis dan persekitaran. Melalui garis panduan ini, aktiviti pencegahan dan pengawalan termasuk penguatkuasaan dan perundangan adalah seragam di semua PBT dan menjadi pelengkap kepada garis panduan sedia ada.

4. Garis Panduan Kawalan Nyamuk di Kawasan PBT adalah seperti pada **Lampiran**.

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PERTANYAAN

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Kerajaan Tempatan,

Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana,

Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62100 PUTRAJAYA

(u.p.: Bahagian Ketua Perundingan Kesihatan Persekitaran)

No. Tel : 03-8891 3300

No. Faks : 03-8891 3098

PENUTUP

7. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI HJ. MOHAMMAD BIN MENTEK)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

30 Ogos 2019

s.k :

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan



GARIS PANDUAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	M/S
1.	TUJUAN	5
2.	LATAR BELAKANG	5
3.	OBJEKTIF	5
4.	TERAS PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN NYAMUK AEDES DI KAWASAN PBT	6
4.1	Teras Pertama: Pengurusan Berasaskan <i>Epidemiologic Triangle</i>	6
4.2	Teras Kedua: Promosi Kesihatan dan Penglibatan Komuniti	8
4.3	Teras Ketiga: Penguatkuasaan Undang-Undang	9
5.	PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN NYAMUK AEDES DI KAWASAN PBT MENGIKUT KEUTAMAAN RISIKO PEMBIAKAN NYAMUK DI PREMIS ATAU KAWASAN	10
6.	PELAPORAN	11
	RUJUKAN	12

Lampiran	Tajuk	M/S
A	Borang Laporan Bulanan Aktiviti Kawalan Nyamuk Aedes Di Kawasan PBT	13
1.	Projek Pembinaan Terbengkalai	15
2.	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Berlesen / Haram	16
3.	Tempat Tumpuan Awam / Tempat Rekreasi dan Permainan	18
4.	Sekolah Berasrama / IPT / Kuarters Kerajaan	20
5.	Premis Barang Lusuhan	22
6.	Premis Terbiar	24
7.	Tapak Bina / Ubahsuai Rumah	26
8.	Sekolah Harian	29
9.	Rumah Ibadat	31
10.	Tanah Perkuburan	33
11.	Tanah Lot Kosong / <i>No Mans land</i>	35
12.	Tanah Milik Kerajaan / Tanah Rizab Kerajaan	37
13.	Kenderaan Terbiar	39
14.	Kompleks Perniagaan / Kawasan Perindustrian	40
15.	Rumah Kediaman	43
16.	Bangunan Berstrata	46
17.	Lorong Belakang Premis	49
18.	Sampah Pukul / Kebun Haram	51

SINGKATAN

AI	:	Aedes Index
BI	:	Breuteu Index
CI	:	Container Index
CIDB	:	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
COMBI-LA	:	Communication for Behavioural Impact-Local Authority
IPTA / IPTS	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta
JKN	:	Jabatan Kesihatan Negeri
JKT	:	Jabatan Kerajaan Tempatan
JKR	:	Jabatan Kerja Raya
JMB	:	Joint Management Body
JP	:	Jabatan Perhutanan
JPN	:	Jabatan Pendidikan Negeri
MPKK	:	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
KKM	:	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	:	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KRT	:	Kawasan Rukun Tetangga
NGO	:	Pertubuhan Bukan Kerajaan
OSC	:	One Stop Centre
PBT	:	Pihak Berkuasa Tempatan
PIBG	:	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PKD	:	Pejabat Kesihatan Daerah
PPD	:	Pejabat Pendidikan Daerah
PTD	:	Pejabat Tanah Daerah

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta semua pihak yang berkepentingan dalam pengurusan pencegahan dan pengawalan pembiakan nyamuk Aedes dalam premis dan persekitaran. Melalui garis panduan ini aktiviti pencegahan dan pengawalan termasuk penguatkuasaan dan perundangan adalah seragam di semua PBT dan menjadi pelengkap kepada garis panduan sedia ada.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Rekod yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tahun 2018 mendapati 80,615 kes demam denggi telah dilaporkan. Manakala bagi tahun 2019 sehingga Minggu Epid (ME) Ke - 10 terdapat 29,332 kes telah dilaporkan, meningkat 155.1% berbanding tempoh yang sama tahun 2018.
- 2.2 Kematian akibat demam denggi juga meningkat 92.3% (50 kematian) yang dilaporkan sehingga ME Ke - 10 bagi tahun 2019 berbanding tempoh sama pada tahun 2018 (26 kematian).
- 2.3 Pada masa ini, tiada garis panduan yang spesifik digunakan oleh PBT dalam mencegah dan mengawal pembiakan nyamuk Aedes di premis dan persekitaran di kawasan PBT.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Untuk mengenalpasti premis berpotensi dan berisiko tinggi sebagai tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan PBT;
- 3.2 Untuk memutuskan rantai jangkitan demam denggi dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan di persekitaran manusia;

3.3 Untuk menyeragam dan menyelaraskan tindakan pencegahan dan pengawalan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes berasaskan amalan terbaik di lapangan;

3.4 Untuk menyelaraskan dan melaporkan semua aktiviti yang dijalankan oleh pihak PBT dalam kerja-kerja pencegahan dan pengawalan kes demam denggi di kawasan PBT.

4. TERAS PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN NYAMUK AEDES DI KAWASAN PBT

4.1 TERAS PERTAMA: PENGURUSAN BERASASKAN *EPIDEMIOLOGICAL TRIANGLE*

4.1.1 Pendekatan yang diambil berasaskan teori pengawalan wabak dengan aplikasi dan adaptasi *Epidemiological Triangle* (Segitiga Epidemiologi) kawalan wabak penyakit seperti tertera di **Rajah 1**.



Rajah 1: Prinsip Mengawal Pemerebakan berpandukan *Epidemiological Triangle* menunjukkan perkaitan Perumah, Agen dan Persekitaran (WHO, 1998; Benenson, 2005; Steven, 1960)

4.1.2 Di bawah prinsip ini, tiga faktor utama yang sering dikaitkan dengan sesuatu wabak penyakit adalah **Persekitaran**, **Agen** dan **Perumah**.

4.1.3 Pendekatan ini bertujuan mengawal pemerebakan demam denggi menerusi prinsip-prinsip berikut-

- (i) Berasaskan pengawalan persekitaran berisiko tinggi yang menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* seperti memusnahkan tempat-tempat pembiakan atau bekas takungan air yang terdapat di persekitaran manusia;
- (ii) Penyediaan pangkalan data bagi premis yang berisiko tinggi untuk memudahkan perancangan kawalan;
- (iii) Orang awam diminta mengambil langkah-langkah melindungi diri untuk mengelak gigitan nyamuk seperti memastikan tingkap dan pintu sentiasa ditutup, menyapu ubat penghalau nyamuk pada anggota terdedah kepada gigitan nyamuk, memakai baju berwarna cerah dan berlengan panjang dan seluar sewaktu keluar rumah dan menggunakan aerosol atau ubat penghalau nyamuk di kawasan tertutup;
- (iv) Faktor agen (virus) tidak dapat dikawal kerana pada ketika ini tiada antivirus yang khusus atau vaksin untuk Virus Denggi;
- (v) Kawalan agen pembawa virus dengan penggunaan racun serangga yang dibenarkan oleh pihak berkuasa kesihatan untuk memusnahkan nyamuk dewasa dan jentik-jentik menerusi aktiviti *larvaciding* atau *fogging*.

4.1.4 Tindakan pencegahan dan kawalan yang dijalankan di PBT berasaskan penarafan risiko pembiakan *Aedes* di premis dan persekitaran disebabkan faktor kekangan logistik dan sumber manusia. Tahap Risiko yang ditetapkan adalah seperti berikut-

- (i) **Tahap Risiko Tinggi** ertinya mana-mana lokaliti diisytihar sebagai kawasan wabak denggi yang berpanjangan melebihi 30 hari (*hotspot*) seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- (ii) **Tahap Risiko Sederhana** ertinya mana-mana lokaliti yang terdapat sejarah kes denggi dikesan dalam tempoh 6 bulan lalu (termasuk lokaliti dalam perimeter 200 meter).
- (iii) **Tahap Risiko Rendah** ertinya mana-mana lokaliti yang tiada kes dilaporkan tetapi apabila kajian jentik-jentik yang dijalankan mendapati indikator *Aedes Index* (AI) dan *Breuteu Index* (BI) melebihi 1% dan 5%, masing-masing.

4.2 TERAS KEDUA: PROMOSI KESIHATAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI

4.2.1 Objektif aktiviti ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai demam denggi serta langkah-langkah mencegah dan mengawalinya. Aktiviti seperti gotong royong yang berfokus mampu mencegah penyakit demam denggi. Kesedaran dan perubahan tingkah laku masyarakat setempat membantu untuk menghapus dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk di persekitaran.

4.2.2 Penglibatan masyarakat menerusi Persatuan Penduduk / *Joint Management body* (JMB) yang diwujudkan perlu digerakkan secara berkesan dan berterusan.

- 4.2.3 Peranan persatuan penduduk membantu mempergiatkan aktiviti kemasyarakatan di kawasan setempat. Program-program yang boleh diaktifkan bagi menyokong tindakan pencegahan dan kawalan demam denggi adalah pewujudan sukarelawan COMBI-LA.
- 4.2.4 Perubahan tingkah laku positif diperlukan dan tumpuan diberikan kepada komuniti yang tinggal di kawasan Risiko Tahap Tinggi.
- 4.2.5 Aktiviti yang dicadangkan adalah kempen, pameran denggi, gotong-royong, program COMBI-LA yang melibatkan pemimpin dan masyarakat setempat.

4.3 TERAS KETIGA: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang sedia ada hendaklah dijalankan dan diperkukuhkan. Undang-undang yang boleh diguna pakai bagi memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan adalah seperti berikut-

- 4.3.1 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171);
- 4.3.2 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154);
- 4.3.3 Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342);
- 4.3.4 Local Government Ordinance (Sabah No.11 of 1961) 1961; dan
- 4.3.5 Protection of Public Health (Sarawak Chapter 30) 1999.

5. PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN NYAMUK AEDES DI KAWASAN PBT MENGIKUT KEUTAMAAN RISIKO PEMBIAKAN NYAMUK DI PREMIS ATAU KAWASAN

Pelan tindakan aktiviti pencegahan dan kawalan nyamuk yang digariskan di bawah garis panduan ini adalah mengikut keutamaan yang berasaskan status risiko pembiakan nyamuk di sesebuah premis atau kawasan itu. Sebanyak 18 (lapan belas) kategori premis atau kawasan telah dikenalpasti seperti di bawah dan perincian tindakan mengikut setiap kategori adalah seperti di Lampiran 1 hingga Lampiran 18.

- 5.1 Projek Pembinaan Terbengkalai (rujuk Lampiran 1).
- 5.2 Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Berlesen / Haram (rujuk Lampiran 2).
- 5.3 Tempat Tumpuan Awam / Tempat Rekreasi dan Permainan (rujuk Lampiran 3).
- 5.4 Sekolah Berasrama / IPT / Kuarters Kerajaan (rujuk Lampiran 4).
- 5.5 Premis Barang Lusuhan (rujuk Lampiran 5).
- 5.6 Premis Terbiar (rujuk Lampiran 6).
- 5.7 Tapak Bina / Ubah Suai Rumah (rujuk Lampiran 7).
- 5.8 Sekolah Harian (rujuk Lampiran 8).
- 5.9 Rumah Ibadat (rujuk Lampiran 9).
- 5.10 Tanah Perkuburan (rujuk Lampiran 10).
- 5.11 Tanah dan Lot Kosong (rujuk Lampiran 11).
- 5.12 Tanah Milik Kerajaan / Tanah Rizab Kerajaan (rujuk Lampiran 12).
- 5.13 Kenderaan Terbiar (rujuk Lampiran 13).
- 5.14 Kompleks Perniagaan dan Kawasan Perindustrian (rujuk Lampiran 14).
- 5.15 Rumah Kediaman (rujuk Lampiran 15)
- 5.16 Bangunan Berstrata (rujuk Lampiran 16)
- 5.17 Lorong Belakang Premis (rujuk Lampiran 17)
- 5.18 Sampah Pukul / Kebun Haram (rujuk Lampiran 18)

6. PELAPORAN

- 6.1 Kesemua aktiviti yang dijalankan oleh PBT akan dipantau secara berkala mengikut format seperti di **Lampiran A**.
- 6.2 Laporan yang disediakan oleh PBT hendaklah dikemukakan **pada atau sebelum 15 haribulan**, bulan berikutnya ke alamat berikut-

Pengarah

Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran

Jabatan Kerajaan Tempatan, Aras 26,

No. 51, Persiaran Perdana Presint 4

62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8891 3367

Faks: 03-8891 3098

Rujukan:

Akta (154). Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Jabatan Percetakan Malaysia. Kuala Lumpur.

Akta 154. Law of Malaysia Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (AKTA 154). Jabatan Percetakan Malaysia. Kuala Lumpur.

Akta 171. Law of Malaysia Akta Kerajaan Tempatan 1976. Jabatan Percetakan Malaysia. Kuala Lumpur.

Sarawak Chapter 30 (1999). Law of Malaysia (1999). *Protection Of Public Health (Sarawak Chapter 30) 1999*. Jabatan Percetakan Malaysia. Kuala Lumpur.

National Environment Agency (NEA). *Life Cycle of an Aedes Mosquito*. <http://www.dengue.gov.sg/subject.asp?id=12> retrieved on 21.8.2016.

Rosen L, Shroyer DA, Tesh RB, Freier JE, Lien JC. *Transovarial transmission of dengue viruses by mosquitoes: Aedes albopictus and Aedes aegypti*. Am J Trop Med Hyg. 1983 Sep; 32(5):1108-19.

Sabah No. 11 (1961). Law of Malaysia *Local Government Ordinance (Sabah No.11 of 1961) 1961*. Jabatan Percetakan Malaysia. Kuala Lumpur.

WHO (1998), World Health Organization. Emerging and other Communicable Diseases, Surveillance and Control. <http://www.who.int/csr/resources/publications/bse/whoemczdi989.pdf> retrieved on 28.8.2016

Lampiran A

LAPORAN BULANAN AKTIVITI TIINDAKAN KAWALAN NYAMUK AEDES

PBT: Majlis Bandaraya / Perbandaran / Daerah: _____
 Bulan: _____

BIL	JENIS PREMIS	BILANGAN								CATATAN (NYATAKAN KEWUJUDAN COMBI-LA :YA/TIDAK			
		PEMERIKSAAN		PENGUATKUASAAN			PROMOSI KESIHATAN		TINDAKAN KAWALAN				
		TEMPAT PEMBAIKAN	BIL (POSITIF) (+VE)	NOTIS KESALAHAN	KOMPAUN	ARAHAN TUTUP	PENDAKKWAAN	KEMPEN	EDARAN RISALAH		GOTONG ROYONG	SEMBURAN KABUS (FOGGING)	LARVACIDING
1	Projek Pembinaan Terbengkalai												
2	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Berlesen / Haram												
3	Tempat Tumpuan Awam / Tempat Rekreasi dan Permaianan												
4	Sekolah Berasrama / IPT / Kuarters Kerajaan												
5	Premis Barang Lusuah												
6	Premis Terbiar												
7	Tapak Pembinaan / Ubah Suai Rumah												
8	Sekolah Harian												

BIL	JENIS PREMIS	BILANGAN										CATATAN (NYATAKAN KEWUJUDAN COMBI-LA :YA/TIDAK		
		PEMERIKSAAN		PENGUATKUASAAN				PROMOSI KESIHATAN			TINDAKAN KAWALAN			
		TEMPAT PEMBAIKAN	BIL (POSITIF)(+VE)	NOTIS KESALAHAN	KOMPAUN	ARAHAN TUTUP	PENDAKWAAN	KEMPEN	EDARAN RISALAH	GOTONG ROYONG	SEMBURAN KABUS (FOGGING)		LARVACIDING	CARI DAN MUSNAH
9	Rumah Ibadat													
10	Tanah Perkuburan													
11	Tanah dan lot tanah kosong / No Man Lands													
12	Tanah Milik Kerajaan / Rizab Kerajaan													
13	Kenderaan Terbiar													
14	Kompleks Perniagaan dan Kawasan Perindustrian													
15	Rumah kediaman													
16	Bangunan Berstrata													
17	Lorong Belakang Premis													
18	Sampah Pukul / Kebun Haram													
	JUMLAH													

Nama Pelapor: _____
Jawatan: _____

Tarikh: _____

PELAN TINDAKAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT MENGIKUT PREMIS

PREMIS: PROJEK PEMBINAAN TERBENGKALAI

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
1	PENGURUSAN	1.1 Menyediakan Pangkalan Data senarai projek pembinaan terbengkalai	a) Memudahkan pemantauan dari masa ke masa mengikut keutamaan.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran, PBT b) Jabatan Kawalan Bangunan PBT c) Jabatan Perumahan Negara, KPKT.	a) Satu pangkalan data lengkap projek dan rumah individu terbengkalai di setiap PBT.
		1.2 Kenalpasti status risiko.			
		1.3 Melantik kontraktor untuk kerja kerja pembersihan di kawasan projek pembinaan terbengkalai.	a) Memasmi pembiakan nyamuk Aedes.	a) Pemaju projek.	a) Satu pangkalan data lengkap yang mengandungi senarai kontraktor yang dilantik.
2	PENGUATKUASAAN	2.1 Pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk di kawasan projek pembinaan terbengkalai.	a) Memastikan tiada pembiakan berlaku di kawasan projek terbengkalai.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran, PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) 100% perlanggaran yang dikesan diambil tindakan.
		2.2 Mengambil tindakan perundangan terhadap perlanggaran yang dikesan.			

PELAN TINDAKAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT MENGIKUT PREMIS

PREMIS : TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL BERLESEN / HARAM

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
1	PENGURUSAN	1.1 Penyediaan pangkalan data bilangan tapak pelupusan sisa pepejal.	a) Merancang aktiviti pemantauan berasaskan keutamaan iaitu Risiko Tinggi, Risiko Sederhana dan Risiko rendah.	a) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). b) Syarikat konsesi yang dilantik.	a) Satu pangkalan data Tapak Pelupusan Sisa Pepejal berlesen dan haram
2	PROMOSI KESIHATAN	2.1 Taklimat kesedaran mengenai nyamuk Aedes / demam denggi di tapak pelupusan sisa pepejal kepada staf terlibat.	a) Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) baik mengenai denggi kepada pihak pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dan para pekerja.	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT. b) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). c) Syarikat konsesi yang dilantik.	a) 100% tapak pelupusan sisa pepejal diliputi.
3	PENGUATKUASAAN	3.1 Pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk Aedes di tapak pelupusan sisa pepejal secara berkala. 3.2 Kawalan tempat pembiakan; PTP dan kawalan kimia 3.3 Mengendalikan Tindakan Notis	a) Memastikan tiada pembiakan berlaku di tapak pelupusan sisa pepejal. b) Memastikan kerja-kerja pembersihan dijalankan supaya tiada pembiakan berlaku di tapak pelupusan	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) 0% pembiakan nyamuk Aedes. b) Breteau Index: < 5 c) 100% kes pelanggaran dikenakan tindakan notis pembersihan.

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
		pembersihan sekiranya terdapat pembiakan aedes di tapak pelupusan sisa pepejal.	sisa pepejal.		

PELAN TINDAKAN KAWALAN DEMAM DENGGI AEDES MENGIKUT PREMIS

PREMIS: TEMPAT TUMPUAN AWAM / TEMPAT REKREASI DAN PERMAINAN

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
1	PENGURUSAN	1.1 Reka bentuk kemudahan tidak berpotensi untuk pembiakan nyamuk Aedes 1.2 Pokok hiasan tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. 1.3 Menyediakan tempat pembuangan sampah yang mencukupi dan reka bentuk yang tidak menakung air. 1.4 Menjalankan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes secara berkala.	a) Memastikan pihak pengurusan PBT peka mengenai reka bentuk dan tanaman hiasan yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. b) Menggalakkan orang awam membuang bekas-bekas yang boleh menakung air ke dalam tong sampah yang disediakan. c) Memastikan bekas-bekas yang menakung air dilupus secara teratur.	a) Pihak Berkuasa Tempatan b) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). c) Syarikat konsesi yang dilantik. d) Jabatan Perhutanan e) Jabatan Landskap Negara	a) Tiada pokok berpotensi pembiakan Aedes digunakan sebagai pokok hiasan. b) Bangunan awam bebas dari struktur gutter. c) Tong sampah disediakan pada jarak 100 meter d) Tiada bekas menakung air di tempat awam.
2	PROMOSI KESIHATAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI	2.1 Kempen Kesedaran kepada kontraktor / operator mengenai nyamuk Aedes / demam denggi di tempat tumpuan awam.	a) Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) mengenai nyamuk Aedes / demam denggi kepada pengunjung.	a) Pihak Berkuasa Tempatan b) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).	a) 100% tempat tumpuan awam diliputi. a) 100% tempat tumpuan awam diliputi.

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
		2.2 Mengadakan gotong-royong di tempat tumpuan awam sebulan sekali. 2.3 Aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes.	a) Memastikan tiada tempat pembiakan Aedes di tempat tumpuan awam.	c) Syarikat konsesi yang dilantik d) Pejabat Muafakat Komuniti. e) Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta. f) Pertubuhan Bukan Kerajaan.	
3	PENGUATKUASAAN	3.1 Penguatkuasaan undang-undang <i>Anti-litter by law</i>	a) Menggalakkan orang awam menjaga kebersihan tempat tumpuan awam.	a) Pihak Berkuasa Tempatan	a) 0% pembiakan nyamuk Aedes. b) Breuteu Index: < 5

PELAN TINDAKAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT MENGIKUT PREMIS

PREMIS: SEKOLAH BERASRAMA / IPT / KUARTERS KERAJAAN

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
1	PENGURUSAN	1.1 Menyediakan pangkalan data senarai sekolah berasrama/IPT/ Kuarters Kerajaan mengikut status risiko.	a) Memberi tumpuan kepada premis yang berisiko tinggi.	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT. b) Jabatan Kerja Raya c) Kementerian Pendidikan Malaysia. d) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) Pangkalan data lengkap mengikut status risiko.
		1.2 PTP / Larviciding.	a) Memusnahkan tempat berpotensi pembiakan nyamuk Aedes, kekerapan bergantung kepada tahap risiko.	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) Tiada pembiakan nyamuk Aedes dikesan.
2	PENGLIBATAN MASYARAKAT	2.1 Gotong-royong	a) Memusnahkan tempat berpotensi pembiakan nyamuk, kekerapan bergantung kepada tahap risiko. b) Menanam tahap kesedaran akan kepentingan 10 minit untuk membersihkan tempat pembiakan Aedes.	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah. c) Jabatan Kerja Raya d) Kementerian Pendidikan Malaysia e) Penghuni. f) Persatuan Penduduk	a) Tiada tempat berisiko pembiakan ditemui.

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
		2.2 Penubuhan COMBI / Skuad Denggi	a) Meningkatkan kesedaran penghuni mengenai denggi	b) Jabatan Kesihatan Persekitaran, PBT. c) Agensi Kerajaan. d) Penghuni. e) Pejabat Muafakat Komuniti / Persatuan penduduk.	a) Wujud aktiviti COMBI / Skuad Denggi.
3	PROMOSI KESIHATAN	3.1 Ceramah kesedaran mengenai demam denggi di sekolah berasrama / IPT / Kuarters Kerajaan.	a) Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) mengenai demam denggi kepada pihak pengurusan dan penghuni. b) Memberi kesedaran akan kepentingan 10 minit untuk membersihkan.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran, PBT. b) Agensi Kerajaan. c) Pejabat Muafakat Komuniti / Persatuan penduduk. d) Pejabat Kesihatan Daerah. e) Pejabat Pendidikan Daerah / Pejabat Pendidikan Negeri. f) Persatuan Ibu Bapa dan Guru.	a) 100% premis asrama / sekolah berasrama / IPT / Kuarters berisiko tinggi diliputi.
4	PENGUATKUASAAN	4.1 Pemeriksaan tempat pembiakan nyamuk secara berkala. 4.2 Keutamaan diberikan kepada premis berisiko tinggi.	a) Memastikan tiada pembiakan berlaku di sekolah berasrama / IPT / Kuarters Kerajaan.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran, PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) Premis sekolah berasrama / IPT / Kuarters Kerajaan bebas tempat pembiakan nyamuk Aedes.

PELAN TINDAKAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT MENGIKUT PREMIS

PREMIS: PREMIS BARANG LUSUH (PBL)

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
1	PENGURUSAN	1.1 Menyediakan Pangkalan Data bilangan premis barang lusuh berlesen dan tidak berlesen 1.2 Mengenalpasti status risiko setiap premis berkenaan. 1.3 Mengenalpasti syarat-syarat pelesenan berikut : a) Reka bentuk bangunan tidak membolehkan nyamuk membiak. b) Melantik pengendali kawalan makhluk perosak (<i>Pest Control Operator</i>) berlesen untuk kerja; i. <i>fogging</i> dan <i>larvaciding</i>. ii. Mengemukakan laporan bulanan aktiviti <i>fogging</i> dan <i>larvaciding</i>.	a) Memastikan pemantauan dapat dilakukan secara efisien. a) Memastikan premis bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran, PBT b) Bahagian Pelesenan, PBT a) Sekretariat <i>One Stop Centre</i> (OSC). b) Pejabat Kesihatan Daerah. c) Pihak Berkuasa Tempatan. d) Agensi terlibat	a) Satu pangkalan data lengkap. a) 100% premis PBL mematuhi syarat yang ditetapkan. b) Memastikan Breteau Index <5
2	PROMOSI KESIHATAN	2.1 Mengadakan kempen kesedaran kepada pemilik premis barang lusuh berkaitan dengan nyamuk Aedes /	a) Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) mengenai denggi.	a) Pejabat Kesihatan Daerah. b) Jabatan Kesihatan Persekitaran, PBT.	a) 100% premis barang lusuh diliputi.

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
		2.2 demam denggi. Pengedaran poster dan <i>flyers</i> kepada pemilik premis barang lusuh.			
3	PENGUATKUASAAN	3.1 Pemeriksaan pembiakan nyamuk Aedes di premis barang lusuh secara berkala.	a) Memastikan tiada pembiakan berlaku di premis barang lusuh.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah. c) Pemilik premis.	a) 0% pembiakan nyamuk Aedes. b) Memastikan Breteau Index < 5
		3.2 Mengambil tindakan perundangan terhadap perlanggaran yang dikesan.	a) Memastikan tiada pembiakan berlaku di premis barang lusuh.	a) Pejabat Kesihatan Daerah. b) Jabatan Kesihatan Persekitaran PBT.	a) 100% kes pelanggaran dikenakan tindakan penguatkuasaan.

PELAN TINDAKAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT MENGIKUT PREMIS

PREMIS: PREMIS TERBIAR

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
1	PENGURUSAN	1.1 Menyediakan Pangkalan Data premis terbiar dan mengenalpasti status risiko. 1.2 Melantik kontraktor / <i>in house</i> untuk kerja – kerja pembersihan di kawasan premis terbiar.	a) Membersihkan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran PBT.	a) 0% pembiakan nyamuk aedes.
2	PROMOSI	2.1 Kempen program pembersihan sendiri 2.2 Kempen 10 minit bersih persekitaran rumah masing-masing bebas Aedes.	a) Memberi kesedaran kepada pemilik rumah untuk mengamalkan kebersihan di dalam rumah dan persekitaran masing-masing.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran PBT.	b) 100% dilaksanakan
3	PENGLIBATAN MASYARAKAT	3.1 Penubuhan COMBI / Skuad Denggi. 3.2 Menjalankan aktiviti <i>community centric</i> melibatkan ketua komuniti / ketua kampung / KRT dalam menangani premis terbiar.	a) Meningkatkan kesedaran penduduk. b) Memberi maklumat dan pengetahuan tentang pemilik premis terbiar untuk tindakan pembersihan melalui ketua komuniti tempatan.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) Wujud aktiviti COMBI / Skuad Denggi.

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
4	PENGUATKUASAAN	4.1 Notis pembersihan kepada pemilik premis terbiar. 4.2 Mengenenakan kompaun kerja gagal melaksanakan kerja pembersihan. 4.3 Tuntutan bayaran kerja-kerja pembersihan oleh PBT. 4.4 Tindakan pembersihan dan tuntutan kos pembersihan.	a) Memberi kesedaran kepada pemilik rumah / premis terbiar. b) Membersihkan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.	a) Jabatan Kesihatan Persekitaran PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) 100% pemilik premis terbiar dikenakan tindakan.

PELAN TINDAKAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT MENGIKUT PREMIS

PREMIS: TAPAK BINA / UBAH SUAI RUMAH

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
1	PENGURUSAN	1.1 Menerapkan syarat-syarat seksyen 11 DDBIA 1975 mengenai tindakan kawalan dan pencegahan kendiri denggi di tapak bina oleh pemaju serta menghantar laporan kawalan di tapak bina semasa permohonan Kemajuan Merancang (KM).	a) Memastikan pemaju projek mematuhi syarat kendiri yang ditetapkan. b) Pemaju hendaklah mendapatkan surat aku janji dan pengesahan daripada Pegawai Kesihatan.	a) Sekretariat <i>One Stop Centre</i> (OSC). b) Jabatan Kesihatan Persekutaran PBT. c) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).	a) 100% pemaju mengemukakan pelan tindakan.
		1.2 Menyediakan pangkalan data bilangan permohonan KM dengan maklumat projek binaan termasuk nama projek, no. projek, alamat, tarikh mula dan tarikh siap.	a) Memudahkan pemantauan.	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT b) Pejabat Kesihatan Daerah.	a) Satu pangkalan data lengkap.
		1.3 Pemaju melantik <i>Pest Control Officer</i> (PCO).	a) Untuk menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan pembiakan nyamuk Aedes.	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT. b) Syarikat Pemaju	a) Mengemukakan laporan aktiviti secara berkala.

BIL	STRATEGI	AKTIVITI	OBJEKTIF	PELAKSANA	INDIKATOR
2	PROMOSI KESIHATAN	2.1 Ceramah / kempen kesedaran mengenai demam denggi di tapak bina kepada pemaju, kontraktor dan pekerja.	a) Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) mengenai denggi kepada pihak pengurusan tapak bina dan para pekerja.	a) Pejabat Kesihatan Daerah. b) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT.	a) 100% tapak bina diliputi
3.	PENGLIBATAN MASYARAKAT	3.1 Penubuhan COMBI / Skuad Denggi.	a) Meningkatkan kesedaran pekerja.	a) Jabatan Kesihatan Persekutaran, PBT. b) Pejabat Kesihatan Daerah. c) Syarikat Pemaju.	a) Wujud aktiviti COMBI / Skuad Denggi.
